



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
PENDIDIKAN  
PRA-PENGAJIAN TINGGI**

## **Penerbitan**

Tarikh diterbitkan: 7 Mac 2016.

## **Notis Hak Cipta**

Hak cipta 2016 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

## **Penolakan Tuntutan**

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## KANDUNGAN

<b>Pengenalan .....</b>	<b>1</b>
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Ringkas .....	1
<b>Operasi Industri Pendidikan Secara Umum.....</b>	<b>1</b>
Pendidikan Pra-Pengajian Tinggi.....	5
Pendidikan dan perkhidmatan pendidikan yang berkaitan.....	6
<b>Layanan CBP Bagi Pendidikan Pra-Pengajian Tinggi .....</b>	<b>6</b>
Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat oleh institusi pendidikan awam.....	6
Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat oleh institusi pendidikan swasta .....	7
Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat kepada institusi pendidikan awam....	8
Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat kepada institusi pendidikan swasta ..	8
Layanan CBP ke atas pelbagai jenis perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan berkaitan pendidikan.....	9
Pembekalan yang tertakluk pada kadar sifar .....	19
Pembekalan yang tertakluk pada kadar standard.....	20
Tanggungjawab orang berdaftar CBP .....	24
<b>Soalan-Soalan Lazim .....</b>	<b>25</b>
<b>Pertanyaan .....</b>	<b>32</b>
<b>Bantuan dan Maklumat Lanjut Berkaitan CBP .....</b>	<b>32</b>
<b>Lampiran 1 .....</b>	<b>33</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan ini disediakan untuk membantu anda untuk memahami layanan perundangan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) ke atas perkhidmatan pendidikan pra-pengajian tinggi.

### **Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) Secara Ringkas**

2. CBP adalah cukai berperingkat yang di kenakan ke atas pengguna dalam negeri. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai dalam Malaysia kecuali yang disenaraikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. CBP juga dikenakan keatas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh setiap perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rantai pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah di setiap peringkat dikenakan cukai untuk mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

### **OPERASI INDUSTRI PENDIDIKAN SECARA UMUM**

5. Sistem pendidikan di Malaysia secara umumnya dikategorikan seperti berikut:

- (a) Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak (ECCE);
- (b) Prasekolah;
- (c) Sekolah Rendah;
- (d) Sekolah Menengah; dan

(e) Pengajian Tinggi.

6. Menurut Akta Pendidikan 1996 "sekolah" ertinya tempat di mana sepuluh orang atau lebih lazimnya diajar sama ada di dalam satu kelas atau lebih. Akta Pendidikan 1996 meliputi semua peringkat pendidikan di bawah sistem pendidikan kebangsaan dan ia memerlukan penggunaan Kurikulum Kebangsaan di semua sekolah. Bagi sekolah swasta, keperluan untuk menggunakan Kurikulum Kebangsaan hendaklah disifatkan telah dipatuhi jika mata pelajaran teras Kurikulum Kebangsaan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Pendidikan 1996 diajar di sekolah-sekolah. Kurikulum Kebangsaan adalah kurikulum teras yang terdiri daripada kursus pengajian yang mana semua pelajar dikehendaki untuk melengkapkan sebelum mereka boleh bergerak ke tahap pendidikan yang seterusnya. Ia dijangka menyumbang kepada pembangunan holistik individu (mental, emosi, fizikal, rohani) dengan menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang umum, memupuk sikap yang sihat dan menerapkan nilai-nilai moral diterima.

7. Kursus pengajian yang berkaitan dengan kemudahan yang institusi pendidikan sediakan yang menjadi sebahagian daripada kurikulum atau sukatan pelajaran. Sebagai contoh penyediaan bilik darjah di bangunan sekolah, perpustakaan, padang sukan, makmal komputer dan sains.

8. Institusi pendidikan yang menyediakan perkhidmatan pendidikan adalah ditubuhkan di bawah mana-mana Akta berikut:-

- (a) Akta Pendidikan 1961 (Akta 43 1961);
- (b) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);
- (c) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 489);
- (d) Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308);
- (e) Enakmen atau Ordinan yang berkaitan dengan kawalan sekolah agama Islam negeri.

9. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, "institusi pendidikan" ertinya suatu sekolah atau mana-mana tempat lain yang, dalam menjalankan kerja suatu organisasi atau

institusi, orang lazimnya diajar, sama ada di dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah suatu tadika dan suatu pusat pendidikan jarak jauh tetapi tidak termasuk –

- (a) mana-mana tempat jika pengajaran itu terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata;
- (b) mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan, melalui pemberitahuan dalam Warta, sebagai bukan suatu institusi pendidikan bagi maksud Akta Pendidikan 1996.

10. Institusi pendidikan di Malaysia terbahagi kepada awam atau swasta. Perbandingan antara kedua-dua adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Perbandingan di antara Institusi Pendidikan Awam dan Swasta**

	Institusi Pendidikan Awam	Institusi Pendidikan Swasta
JENIS	Terbahagi kepada dua jenis: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekolah Kebangsaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditubuh, dibiayai dan diselenggara sepenuhnya oleh kerajaan</li> </ul> </li> <li>2. Sekolah Jenis Kebangsaan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah bantuan kerajaan</li> </ul> </li> </ol>	Terbahagi kepada tiga jenis: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekolah Asing                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Antarabangsa</li> <li>• Sekolah Expatriat</li> </ul> </li> <li>2. Sekolah Bebas</li> <li>3. Sekolah Agama dan lain-lain</li> </ol>
PENDAFTARAN/ PENGAWALAN	Berdaftar bawah Akta Pendidikan 1961 atau Akta Pendidikan 1996. Oleh itu ia di bawah kawalan penuh dan pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekolah Asing                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1961 atau Akta Pendidikan 1996.</li> </ul> </li> <li>2. Sekolah Bebas (Dong Jiang Zoung)                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1961 dan pendaftaran di iktiraf di bawah Akta Pendidikan 1996.</li> </ul> </li> <li>3. Sekolah Agama                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada mulanya berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996</li> <li>• Seterusnya KPM mengklasifikasikannya</li> </ul> </li> </ol>

		<p>sebagai institusi pendidikan swasta dan perlu berdaftar di bawah Enakmen Agama Islam Negeri</p> <p>4. Lain-lain (Sekolah MRSM)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1961 dan pendaftaran diiktiraf di bawah Akta Pendidikan 1996</li> <li>• Ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat 1966.</li> </ul>
PENGURUSAN	<p>1. Sekolah Kebangsaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelajaran Malaysia</li> </ul> <p>2. Sekolah Vernakular / Jenis Kebangsaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Pengelola Sekolah</li> </ul>	<p>1. Sekolah Antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dimiliki secara persendirian oleh syarikat</li> <li>• Lembaga Pengarah</li> </ul> <p>2. Sekolah Expatriat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Pengelola dan komuniti expatriat</li> </ul> <p>3. Sekolah Bebas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Pengelola yang mewakili Persatuan</li> </ul>
PELAJAR	Warganegara Malaysia dan lain-lain	<p>1. Sekolah Antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara Malaysia adalah dibenarkan berdasarkan peratusan yang diluluskan oleh KPM</li> </ul> <p>2. Sekolah Expatriat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Expatriat Asing atau warganegara Malaysia yang belajar di luar negara dan menyambung pelajaran di sini</li> </ul> <p>3. Sekolah Bebas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara Malaysia</li> </ul>
KURIKULUM	Kurikulum Kebangsaan	<p>Antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjek kurikulum kebangsaan yang terpilih</li> <li>• Kebiasaannya Bahasa Malaysia adalah wajib untuk pelajar Malaysia dan Pelajaran Islam adalah wajib bagi pelajar beragama Islam</li> </ul>

		Expatriat <ul style="list-style-type: none"><li>• Menggunakan kurikulum negara tersebut</li></ul> Sekolah Bebas <ul style="list-style-type: none"><li>• Menggunakan kurikulum tersendiri</li></ul>
--	--	--

### **Pendidikan Pra-Pengajian Tinggi**

11. Pendidikan pra-pengajian tinggi merangkumi penjagaan awal kanak-kanak, prasekolah, sekolah rendah dan menengah.

### **Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak (ECCE)**

12. Pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak (ECCE) melibatkan kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab terhadap kelulusan dan penubuhan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di Malaysia. Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak merangkumi perkhidmatan penjagaan bayi, perkhidmatan nurseri harian bagi tujuan menyediakan penjagaan dan penyeliaan kepada kanak-kanak di bawah empat (4) tahun.

### **Prasekolah**

13. Pendidikan pra-sekolah melibatkan pusat bimbingan kanak-kanak juga dikenali sebagai TADIKA untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dan disediakan oleh beberapa agensi kerajaan iaitu Kementerian Pelajaran, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Ia juga disediakan oleh badan-badan swasta dan pertubuhan sukarela.

### **Sekolah Rendah**

14. Pendidikan sekolah rendah adalah kursus pengajian di peringkat sekolah rendah yang direka untuk tempoh enam tahun tetapi boleh juga tamat dalam tempoh lima hingga tujuh tahun. Ia juga termasuk sekolah rendah khas.



## **Sekolah Menengah**

15. Pendidikan sekolah menengah adalah lanjutan daripada pendidikan peringkat sekolah rendah yang sesuai untuk murid yang baru sahaja menamatkan pendidikan sekolah rendah. Ia terdiri daripada pendidikan menengah rendah dan menengah atas. Pendidikan menengah atas adalah bersesuaian dengan kebolehan dan bakat murid yang telah tamat pendidikan menengah rendah. Pendidikan sekolah menengah juga termasuk sekolah menengah khas, sekolah menengah teknik, sekolah vokasional dan sekolah menengah agama.

## **Pendidikan dan perkhidmatan pendidikan yang berkaitan**

16. Di bawah butiran 16(c), Jadual Kedua, Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014, perkhidmatan pendidikan dan berkaitan pendidikan adalah termasuk: -

- (a) Kursus Pengajian;
- (b) bahan-bahan kursus dan barangan yang berkaitan dengan kurikulum;
- (c) lawatan dan lawatan lapangan;
- (d) Makanan dan penginapan pelajar;
- (e) Pengangkutan pelajar; dan
- (f) Perkhidmatan pentadbiran

## **LAYANAN CBP BAGI PENDIDIKAN PRA-PENGAJIAN TINGGI**

17. Layanan CBP bagi pendidikan pra-pengajian tinggi adalah seperti di **Lampiran 1**.

## **Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat oleh institusi pendidikan awam**

18. Dengan kuasa Seksyen 64, Akta CBP 2014, perkhidmatan pendidikan yang dibekalkan oleh kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri tidak tertakluk kepada CBP. Ini bermakna perkhidmatan pendidikan yang diberikan oleh semua sekolah kerajaan atau sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan dan sepenuhnya diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau mana-mana kementerian lain adalah pembekalan "di luar skop". Istilah "di luar skop" bermaksud bahawa pembekalan yang

dibuat tidak berada dalam bidang kuasa Akta CBP dan oleh itu tidak tertakluk kepada CBP.

### **Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat oleh institusi pendidikan swasta**

19. Di bawah Butiran 14, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014, pembekalan oleh institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Majlis Amanah Rakyat 1966, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Enakmen berkaitan kepada kawalan sekolah agama Islam bagi negeri-negeri adalah pembekalan dikecualikan. Sebagai "pembekalan dikecualikan", institusi pendidikan swasta tidak boleh mengenakan GST ke atas pembekalan perkhidmatan pendidikan yang dibuat oleh mereka. Tiada cukai input boleh dituntut ke atas apa-apa perolehan atau pembelian yang dilakukan bagi penyediaan bekalan dikecualikan.

20. Walau bagaimanapun, terdapat bekalan tertentu oleh institusi pendidikan yang didaftarkan sebagai institusi atau pusat pendidikan swasta di bawah Akta Pendidikan 1996 yang bukan dianggap sebagai pembekalan dikecualikan seperti: -

- (a) kelas tambahan yang dibekalkan pusat kelas tambahan;
- (b) latihan bahasa, komputer, kemahiran, kerjaya, profesion, perdagangan atau perniagaan;
- (c) pusat pengayaan minda; dan
- (d) pusat bimbingan.

Sila rujuk kepada perkara 16(b)(ii), Jadual Kedua, Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014.

21. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard dan sekiranya pembekal perkhidmatan pendidikan adalah orang berdaftar, CBP perlu dikenakan ke atas output manakala cukai input yang ditanggung dalam menyediakan bekalan tersebut boleh dituntut semula. Sila rujuk Panduan Pendaftaran CBP dan Cukai Input untuk maklumat lanjut berkenaan pendaftaran dan tuntutan kredit cukai input.

### **Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat kepada institusi pendidikan awam**

22. Di bawah Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (termasuk institusi pendidikan awam) adalah diberi pelepasan daripada pembayaran CBP ke atas perolehan semua barang kecuali petroleum dan kenderaan yang diimport. Merujuk Subseksyen 56(4), Akta CBP 2014, pembekal (penjual) barang-barang tidak perlu mengenakan CBP ke atas jualan kepada institusi pendidikan awam. Institusi pendidikan awam perlu mengemukakan sijil pelepasan daripada pembayaran CBP kepada pembekal mengikut Jadual Ketiga, Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Pembekal perlu mengeluarkan invois cukai dan menyatakan di dalam invois cukai tersebut bahawa pelepasan daripada mengenakan CBP diberikan kepada institusi pendidikan awam yang diberi pelepasan di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Pelepasan daripada pembayaran CBP diberikan kepada institusi pendidikan awam hanya untuk perolehan barang dan bukan untuk perolehan perkhidmatan. CBP perlu dibayar bagi apa-apa perolehan perkhidmatan seperti perkhidmatan perundingan, kawalan keselamatan, pembaikan komputer, penyelenggaraan dan perkhidmatan pembersihan.

### **Layanan CBP ke atas pembekalan yang dibuat kepada institusi pendidikan swasta**

23. Institusi pendidikan swasta diberi pelepasan daripada pembayaran CBP ke atas perolehan barang-barang tertentu yang digunakan secara langsung dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan mengikut Kurikulum Kebangsaan atau kurikulum yang diluluskan. Barang-barang yang disenaraikan di bawah Butiran 5(a), Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 adalah seperti berikut:

- (a) peralatan multimedia yang digunakan secara langsung sebagai bahan bantu mengajar;
- (b) peralatan untuk makmal sains dan bahasa;
- (c) alat dan peralatan untuk pengajian vokasional; dan
- (d) bahan kimia, larutan dan gas untuk kegunaan di makmal sains.

24. Pembekal perlu mengeluarkan invois cukai dan menyatakan di dalam invois cukai tersebut bahawa pelepasan daripada mengenakan CBP diberikan kepada institusi pendidikan swasta yang diberi pelepasan di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Institusi pendidikan swasta boleh menuntut pelepasan daripada membayar CBP sama seperti institusi pendidikan awam yang dinyatakan dalam perenggan 22 di atas. Institusi pendidikan swasta tidak diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas perolehan perkhidmatan atau atas barang yang tidak disenaraikan dalam Butiran 5(a), Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Institusi pendidikan swasta sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan adalah di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014 di mana institusi pendidikan itu tidak layak menuntut CBP yang dibayar ke atas perolehan perkhidmatan atau perolehan barang yang tidak disenaraikan dalam Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

### **Layanan CBP ke atas pelbagai jenis perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan berkaitan pendidikan**

#### **Kursus Pengajian**

25. Kursus pengajian merujuk kepada kurikulum, sukatan pelajaran, program dan kandungan kursus. Bagi menjalankan kursus-kursus pengajian ini, institusi pendidikan menyediakan kemudahan tertentu seperti padang sukan, makmal dan lain-lain.

#### **Contoh 1:**

*Sekolah Rendah Patricia didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 sebagai sebuah sekolah antarabangsa swasta dan bahasa pengantar di sekolah ini adalah Bahasa Inggeris. Zaidil pelajar tahun 4 dan kursus pengajian yang perlu beliau ambil terdiri daripada Bahasa Malaysia sebagai mata pelajaran wajib, Bahasa Inggeris, Mandarin, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam. Pihak sekolah juga menawarkan mata pelajaran tambahan iaitu mata pelajaran piano yang bukan sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan. Zaidil mengambil mata pelajaran tambahan ini dan dia perlu menduduki peperiksaan seperti yang ditetapkan bagi mata pelajaran ini.*

*Mata pelajaran yang diambil oleh Zaidil seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam adalah dinyatakan di bawah*

*Kurikulum Kebangsaan dan mata pelajaran ini adalah pembekalan dikecualikan dan CBP tidak dikenakan. (Sila rujuk Butiran 16(c) (i), Jadual Kedua, Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014). Walau bagaimanapun, mata pelajaran piano bukan sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan dan oleh itu ia adalah pembekalan bercukai. Sekolah akan mengenakan CBP pada kadar 6% ke atas mata pelajaran piano.*

### **Bahan-bahan kursus dan barang kurikulum yang berkaitan**

26. Untuk melayakkan bahan-bahan kursus dikategorikan sebagai pembekalan dikecualikan, syarat-syarat berikut hendaklah dipenuhi: -

- (a) Bahan-bahan disediakan secara terus oleh institusi pendidikan (bukan oleh pihak ketiga) kepada pelajar.
- (b) Bahan-bahan tersebut adalah perlu digunakan, dimanfaatkan dan digunahabis oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut yang mana ia berkaitan dengan kurikulum atau kursus pengajian yang diambil oleh pelajar tersebut.

27. Beberapa contoh "*perlu digunakan, dimanfaatkan dan digunahabis*" ialah:

- (a) Bagi mata pelajaran sains rumahtangga, diantara bahan-bahan memasak untuk membuat kari ayam adalah sayur-sayuran, bawang, santan dan ayam. Sifat asal bahan-bahan ini akan berubah dan menjadi satu produk baru (kari ayam).
- (b) Bahan kimia atau gas yang digunakan oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran Kimia dalam eksperimen mereka.

28. Jika barang-barang yang digunakan dalam sesuatu mata pelajaran itu dapat mengekalkan sifat asalnya dan boleh digunakan semula untuk tujuan lain, maka bahan tersebut tidak dianggap sebagai bahan-bahan kursus. Ini bermakna bahan-bahan tersebut sepatutnya tidak boleh dikitar atau digunakan semula. Maksud "*perlu digunakan, dimanfaatkan dan digunahabis*" hanya terpakai kepada penggunaan bahan-bahan kursus terbabit.

29. Contoh bahan-bahan kursus yang dibekalkan oleh institusi pendidikan secara langsung kepada pelajar ialah:

- (a) salinan atau cetakan bahan-bahan pendidikan yang secara khusus berkaitan dengan sukatan pelajaran pengajian tersebut;
- (b) prepared notes outlining the subjects content, reading list;  
Nota yang menggariskan kandungan mata pelajaran, senarai membaca;
- (c) bekalan bahan seni guna habis seperti warna air, pad lakaran;
- (d) bahan-bahan yang digunakan untuk pelajar sains rumahtangga dan di sekolah-sekolah vokasional;
- (e) peralatan dan kelengkapan untuk pengajian vokasional atau teknikal;
- (f) bahan kimia yang digunakan dalam matapelajaran kimia dan yang berkaitan;
- (g) buku kerja yang menyediakan ruang kepada pelajar untuk melengkapkan latihan, dan lain-lain; dan
- (h) alat tulis guna habis yang dinyatakan dalam kursus pengajian.

**Contoh 2:**

*Pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Didik, sebuah sekolah swasta, sedang membuat persediaan untuk kelas kimia dan perlu eksperimen perlu dilakukan di dalam makmal sains. Pelajar-pelajar akan menggunakan peralatan makmal (bahan-bahan kursus) bagi eksperimen. Bekalan kemudahan itu adalah sebahagian daripada bekalan kursus pengajian. Oleh itu, bekalan perkhidmatan pendidikan dalam kes ini adalah dikecualikan dan yuran yang dikenakan kepada pelajar-pelajar tidak tertakluk kepada CBP.*

*Sekolah Menengah Didik tidak akan dikenakan CBP oleh ABC Chemical Industry Sdn. Bhd. Ke atas pembelian atau perolehan bahan kimia atau larutan yang digunakan dalam eksperimen tersebut. Sekolah Menengah*

*Didik diberi pelepasan daripada membayar CBP mengikut Butiran 5(a),  
Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.*

### **Perkhidmatan Pentadbiran**

30. Perkhidmatan Pentadbiran merujuk kepada pengurusan mana-mana pejabat atau organisasi. Perkhidmatan pentadbiran adalah sebahagian daripada perkhidmatan pendidikan dan adalah pembekalan dikecualikan apabila ia secara langsung berkaitan dengan pembekalan kursus pengajian. Contoh perkhidmatan pentadbiran adalah:

- (a) pemprosesan pendaftaran;
- (b) pengeluaran kad pelajar;
- (c) proses penilaian pelajar;
- (d) pemprosesan keputusan akademik;
- (e) penyediaan dan percetakan laporan kemajuan pelajar;
- (f) susunan pertemuan dengan pelajar, ibu bapa, penjaga;
- (g) penyimpanan rekod;
- (h) pengurusan Hari Ucapan, Hari Sukan, dan aktiviti-aktiviti sekolah yang serupa;
- (i) pengurusan perpustakaan sekolah;
- (j) pengurusan skim buku teks percuma;
- (k) pengurusan jualan, pemajakan atau penyewaan peralatan sekolah kepada pelajar-pelajar sebagai sebahagian daripada penawaran kursus pendidikan pengajian untuk pelajar; dan
- (l) pengurusan pembekalan bahan-bahan kursus.

**Contoh 3:**

*Zahid, seorang pelajar tingkatan 5, mendapat markah tertinggi bagi semua mata pelajaran dalam peperiksaan percubaan SPM. Pihak sekolah menghantar keputusan peperiksaan dan laporan kemajuan Zahid kepada ibu bapa beliau. Bayaran yang berhubungan dengan pembekalan dokumen tersebut adalah pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP kerana perkhidmatan pentadbiran ini adalah berkaitan secara langsung dengan kursus pengajian. Apa-apa perolehan barangan dan perkhidmatan oleh pihak sekolah yang berkaitan dengan aktiviti ini adalah tertakluk kepada CBP dan CBP yang dibayar tidak boleh dituntut oleh pihak sekolah.*

**Lawatan dan lawatan lapangan**

31. Lawatan dan lawatan lapangan mesti berkaitan secara langsung dan menjadi sebahagian daripada kurikulum dan bukan untuk tujuan hobi atau tujuan rekreasi. Dalam beberapa situasi, sesuatu institusi pendidikan menyelaras pengangkutan, penginapan dan yuran penyertaan untuk lawatan dan lawatan lapangan ini. Institusi pendidikan ini disifatkan sebagai pembekal perkhidmatan lawatan ini dan oleh itu ia adalah pembekalan dikecualikan. Yuran yang dikenakan kepada pelajar tidak tertakluk kepada CBP.

32. Lawatan atau lawatan lapangan yang disediakan secara langsung oleh institusi pendidikan berkaitan dengan mata pelajaran yang dinyatakan dalam kurikulum adalah pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk pada CBP walaupun institusi pendidikan tersebut melantik pihak ketiga untuk menyediakan semua atau sebahagian daripada perkhidmatan tersebut. Sebagai orang berdaftar CBP, pihak ketiga akan mengenakan CBP kepada institusi pendidikan tersebut. CBP yang dibayar oleh institusi pendidikan ke atas input tersebut tidak boleh dituntut. Pembekalan seterusnya yang dibuat oleh institusi pendidikan kepada pelajar sebagai outputnya akan menjadi satu pembekalan dikecualikan. Walau bagaimanapun, jika pihak ketiga membekalkan lawatan atau lawatan lapangan secara langsung kepada pelajar, ia adalah suatu pembekalan bercukai. CBP perlu dibayar oleh pelajar kepada pihak ketiga (pembekal pelbagai perkhidmatan).

33. Institusi pendidikan juga menganjurkan kem semasa lawatan lapangan yang secara langsung berkaitan dengan kurikulum. Penceramah luar dijemput dan makanan



dibekalkan oleh katerer luar. Penganjuran kem ini dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pengajian yang berkaitan dengan kurikulum. Oleh itu, ia adalah pembekalan dikecualikan dan yuran yang dikenakan kepada pelajar adalah tidak tertakluk kepada CBP. Sekiranya penceramah dan katerer adalah orang berdaftar CBP dan mengenakan CBP kepada institusi pendidikan, maka institusi pendidikan tersebut tidak boleh menuntut CBP yang dibayar kepada penceramah dan katerer.

34. Sebaliknya, jika kem yang dianjurkan secara langsung oleh pihak ketiga kepada para pelajar, yuran yang dikenakan kepada para pelajar adalah berkadar standard sekiranya pihak ketiga tersebut adalah orang berdaftar CBP.

**Contoh 4:**

*Sekolah Menengah Cina Tan Sim akan menganjurkan kem motivasi untuk pelajar tahun 6 bertujuan membantu mereka menghadapi peperiksaan UPSR. Ali, adalah orang berdaftar CBP, telah dijemput untuk mengajar subjek matematik sewaktu kem tersebut. Perkhidmatan yang dibekalkan oleh Ali kepada pihak sekolah akan tertakluk kepada CBP tetapi pihak sekolah tidak boleh menuntut kembali CBP yang dibayar. Perkhidmatan yang dibekalkan Ali adalah sebahagian daripada perkhidmatan pendidikan yang dibekalkan oleh pihak sekolah dan ia adalah pembekalan dikecualikan. Oleh itu, sekolah tidak boleh mengenakan CBP kepada pelajar.*

*Walau bagaimanapun, jika Ali sebagai orang yang berdaftar CBP, menganjurkan kem UPSR dan mengenakan yuran sebanyak RM150.00 kepada setiap pelajar, pembekalan yang dibuat Ali adalah pembekalan berkadar standard kerana ia bukan suatu perkhidmatan pendidikan yang dibekalkan secara terus oleh pihak sekolah. Pembekalan itu dibuat secara terus kepada pelajar oleh sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan. Pelajar-pelajar perlu membayar CBP di atas bayaran yang dikenakan oleh Ali.*

35. Lawatan atau lawatan lapangan yang tidak berkaitan dengan kurikulum yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996 kebiasaannya adalah atas tujuan rekreasi dan hobi. Ia tidak dianggap sebagai perkhidmatan pendidikan walaupun pembekal adalah sebuah institusi pendidikan. Pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP.

**Contoh 5:**

*Sekolah Menengah Jamie Kota Kinabalu, Sabah menganjurkan satu lawatan untuk guru-guru, kakitangan dan pelajar sewaktu cuti sekolah selama 3 hari 2 malam di Kuala Lumpur termasuk lawatan ke Petrosains Kuala Lumpur. Pihak sekolah menyediakan makanan dan penginapan percuma untuk lawatan tersebut. Ia tidak berkaitan dengan subjek yang diambil oleh pelajar. Ia adalah semata-mata untuk tujuan rekreasi. Oleh sebab lawatan ini tidak berkaitan dengan kurikulum dan bukan suatu perkhidmatan pendidikan, maka apa-apa caj yang ditanggung oleh guru-guru, kakitangan dan pelajar adalah tertakluk kepada CBP.*

**Makanan dan penginapan**

36. Hostel atau penginapan berasrama adalah perkhidmatan yang disediakan oleh sebuah sekolah menengah untuk pelajar-pelajar mereka yang menjalankan kursus pengajian dari peringkat menengah rendah hingga ke peringkat menengah atas. Bagi melayakkan pembekalan tersebut sebagai suatu pembekalan dikecualikan, penginapan tersebut perlu disediakan secara langsung oleh pihak sekolah iaitu penyedia perkhidmatan pendidikan.

37. Suatu bayaran dikenakan untuk penyediaan penginapan asrama yang merangkumi penyediaan makanan. Jika pihak ketiga diupah untuk menyediakan makanan di kantin sekolah atau kafeteria dan dia adalah orang berdaftar CBP, beliau akan mengenakan CBP kepada institusi pendidikan itu. Pembekalan seterusnya yang dibuat oleh institusi pendidikan adalah pembekalan dikecualikan dan institusi pendidikan tidak boleh mengenakan CBP ke atas yuran yang dikenakan kepada pelajar.

38. Kebiasaannya penginapan yang disediakan oleh sesuatu institusi pendidikan adalah di asrama sekolah atau harta yang disewa. Bekalan penginapan termasuk bekalan pembersihan dan penyelenggaraan, makanan, elektrik, penyaman udara, telefon, televisyen, radio dan internet. Ini adalah pembekalan dikecualikan. Kebanyakan institusi pendidikan tidak menyediakan perkhidmatan dobi dan perkhidmatan dobi adalah disediakan oleh pihak ketiga kepada pelajar. Pembekalan perkhidmatan dobi bukanlah suatu pembekalan sampingan kepada peruntukan penginapan pelajar dan ia tertakluk kepada CBP.

39. Terdapat juga penginapan yang disediakan oleh orang berdaftar CBP kepada institusi pendidikan adalah pada asalnya merupakan hartanah komersial. Orang berdaftar CBP tersebut kemudiannya mengubahsuai harta komersil tersebut kepada untuk tujuan penginapan pelajar yang jatuh di bawah perkara 2, Jadual Pertama Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Oleh itu, pembekalan tersebut adalah dikecualikan dan tiada CBP dikenakan kepada institusi pendidikan itu. Sila rujuk Panduan Pembinaan untuk maklumat lanjut.

**Contoh 6:**

*Sekolah Menengah Mary membeli sebuah bangunan komersil di Seremban 2 untuk tujuan penginapan asrama untuk pelajar-pelajarnya. Encik Lee, pemilik asal premis tersebut membeli premis itu dari Pusing Sdn. Bhd. Tujuan pembelian bangunan itu adalah untuk mengubahsuai ia menjadi asrama pelajar. Penggunaan bangunan itu telah berubah daripada penggunaan komersial kepada tujuan kegunaan kediaman di mana ia digunakan untuk penginapan asrama pelajar. Pembekalan bangunan tersebut adalah pembekalan dikecualikan. Tiada CBP yang dikenakan kepada institusi pendidikan itu. Pembekalan seterusnya yang dibuat oleh pihak sekolah kepada pelajar adalah satu perkhidmatan pendidikan yang juga pembekalan dikecualikan.*

**Pengangkutan Pelajar**

40. Perkhidmatan pengangkutan untuk pelajar ulang alik ke sekolah adalah disediakan oleh institusi pendidikan atau oleh pihak ketiga. Pembekalan perkhidmatan pengangkutan sama ada oleh pihak sekolah atau pihak ketiga adalah pembekalan yang dikecualikan (Rujuk butiran 22 (a) (i), Kedua Jadual, Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014). Tiada CBP akan dikenakan kepada pelajar. Sekolah pula tidak boleh menuntut kredit cukai input ke atas mana-mana CBP yang ditanggung atas perolehan barangan dan perkhidmatan dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan tersebut.

**Perkhidmatan peperiksaan**

41. Peperiksaan awam adalah peperiksaan wajib yang perlu diambil setiap tahun oleh pelajar yang belajar di institusi pendidikan awam. Peperiksaan awam adalah salah satu

kursus pengajian Kurikulum Kebangsaan yang ditetapkan di bawah Akta Pendidikan 1996.

42. Layanan CBP ke atas peperiksaan awam yang diuruskan dan dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia adalah suatu pembekalan di luar skop. Tiada CBP dikenakan kepada pelajar yang mengambil peperiksaan tersebut.

### **Lain-lain pembekalan barang dan perkhidmatan oleh Institusi Pendidikan**

43. Objektif utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada pelajar-pelajar tetapi kebanyakan institusi pendidikan juga menyediakan pelbagai perkhidmatan yang tertakluk kepada pelbagai jenis layanan CBP dan oleh sebab itu, ia menjadikan institusi pendidikan ini sebagai pembekal bercampur.

44. Bekalan pendidikan perkhidmatan yang disenaraikan di bawah butir 14, 15 dan 16, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014 adalah pembekalan dikecualikan. Bekalan lain yang berkaitan dengan perkhidmatan pendidikan yang juga pembekalan dikecualikan adalah seperti berikut:

### **Perpustakaan**

45. Perpustakaan adalah dianggap sebagai sebahagian daripada perkhidmatan pendidikan. Aktiviti perpustakaan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP termasuklah akses kepada buku-buku perpustakaan dan majalah serta penggunaan komputer dan perkhidmatan dalam talian yang lain.

46. Jika perpustakaan menyediakan sistem pinjaman buku kepada pelajar secara percuma, maka tiada CBP dikenakan. Jika bekalannya itu dibuat berdasarkan bayaran dan yuran dikenakan kepada pelajar, maka pembekalan tersebut akan tertakluk kepada CBP.

47. Sebuah perpustakaan sekolah mengenakan denda kepada pelajar untuk pemulangan buku tertangguh, hilang atau rosak. Untuk tujuan CBP, denda tidak dianggap sebagai suatu pembekalan dan tidak tertakluk pada CBP. Sekiranya terdapat bayaran dikenakan untuk menampung nilai kos menggantikan buku yang hilang atau rosak maka ia adalah suatu balasan bagi pembekalan buku tersebut dan ini adalah suatu pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP.

## **Kantin**

48. Makanan dan minuman yang dibekalkan di kantin sekolah adalah pembekalan dikecualikan dan ia tidak mengambil kira sama ada kantin tersebut dikendalikan secara langsung oleh institusi pendidikan itu sendiri atau di jalankan oleh pihak ketiga. Pengendali kantin tidak akan mengenakan CBP ke atas penjualan makanan kepada pelajar.

## **Pemajakan atau penyewaan barang-barang**

49. Sekolah juga ada membuat pemajakan atau penyewaan barang-barang. Perbuatan pemajakan atau penyewaan mestilah berkaitan dengan kursus pengajian dan kurikulum bagi mendapat layanan pembekalan dikecualikan CBP. Layanan CBP ke atas pajakan atau sewaan barang-barang kepada pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu: -

- (a) Pembekalkan tersebut adalah secara langsung atau terutamanya digunakan, dimanfaatkan dan perlu ditanggung oleh pelajar dalam menjalankan kursus pengajian;
- (b) Institusi pendidikan itu sendiri adalah penyedia perkhidmatan pendidikan yang disewa atau barang yang dipajak;
- (c) Institusi pendidikan tersebut mempunyai hak untuk membuat keputusan mengenai penggunaan barang-barang yang disewa atau dipajak itu pada setiap masa; dan
- (d) Tiada pemindahan hak milik atau perjanjian barangan kepada mana-mana pelajar pada mana-mana peringkat.

### **Contoh 7:**

*Sekolah ABC Sdn. Bhd. menyewakan komputer kepada Zufar, seorang pelajar di sekolah tersebut untuk persiapan tugas PT3 dan peperiksaan yang mengikut Kurikulum Kebangsaan. Zufar dikenakan bayaran dan dia mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan komputer tersebut. Perbuatan penyewaan komputer tersebut adalah pembekalan dikecualikan*

*kerana tugas dan peperiksaan tersebut adalah berkaitan dengan Kurikulum Kebangsaan.*

**Contoh 8:**

*Shahrinaz merupakan seorang pelajar di Sekolah Elizabeth, yang merupakan sekolah rendah swasta. Kurikulum yang ditawarkan kepada pelajar adalah termasuk Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum British yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran. Selain daripada kurikulum yang ditawarkan, sekolah ini turut menawarkan kelas tarian balet dan kelas renang kepada pelajar sebagai mata pelajaran tambahan kepada pelajar. Selain daripada mata pelajaran di bawah kurikulum kebangsaan dan British, Shahrinaz mengambil kelas tarian balet dan kelas renang sebagai mata pelajaran tambahan dan membayar yuran untuk mata pelajaran tambahan ini. Disebabkan mata pelajaran tambahan yang diambil oleh Shahrinaz ini tidak berkaitan dengan kurikulum, maka ia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

**Pembekalan yang tertakluk pada kadar sifar**

50. Terdapat beberapa pembekalan yang dibuat kepada institusi pendidikan yang tertakluk pada kadar sifar seperti yang disenaraikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014. Contoh barang berkadar sifar yang berkaitan dengan perkhidmatan pendidikan adalah kamus, buku teks pelajar, buku rujukan, buku kerja dan teks agama, surat khabar, buku bergambar, buku melukis dan mewarna kanak-kanak. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014. Pembekal yang berdaftar CBP yang membuat pembekalan barang-barang tersebut kepada institusi pendidikan tidak akan mengenakan CBP ke atas barangan tersebut tetapi layak menuntut kredit cukai input bagi CBP yang dibayar atas untuk membuat pembekalan bercukai tersebut.

**Contoh 9:**

*Syarikat Percetakan Buku Huty menjual buku teks Kimia Tingkatan 5 bernilai RM1,500.00 kepada Sekolah Menengah Merah. Huty tidak akan mengenakan CBP pada kadar 6% kepada Sekolah Menengah Merah ke atas buku-buku tersebut kerana*

*buku teks adalah disenaraikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 dan tiada CBP dibayar oleh pihak sekolah. Pihak sekolah hanya membayar RM1,500.00 untuk buku-buku tersebut. Walau bagaimanapun, apa-apa cukai input yang ditanggung untuk membuat buku teks tersebut boleh dituntut oleh Hutty seperti pembelian kertas, toner, dakwat percetakan yang tertakluk kepada CBP.*

## **Pembekalan yang tertakluk pada kadar standard**

### **Penjualan barang-barang**

51. Apa-apa pembekalan yang tidak termasuk di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014 atau Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard sebanyak 6%. Sebagai contoh ialah pembelian pakaian seragam sekolah daripada pembekal berdaftar CBP. CBP dibayar ke atas pembelian tersebut. Pada pembekalan yang seterusnya, di mana jualan pakaian seragam dibuat kepada pelajar, sekiranya pihak sekolah adalah orang berdaftar CBP, maka ia akan mengenakan CBP ke atas harga jualan kepada pelajar tersebut. Mungkin terdapat barangan lain yang dijual oleh pihak sekolah dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan sekolah seperti instrumen muzik, alat tulis, baju-t dan beg sekolah.

#### **Contoh 10:**

*Ah Chong adalah pelajar tahun 4. Pihak sekolah mengenakan bayaran sebanyak RM20.00 bagi perakam yang akan digunakan untuk kelas muzik sebagai salah satu mata pelajaran tambahan yang diajar di sekolah. Ah Chong akan mengekalkan pemilikan ke atas perakam tersebut setelah selesai kursus pengajian tersebut. Ini adalah satu tindakan penjualan oleh pihak sekolah dan pemilikan alat perakan tersebut adalah kepunyaan Ah Chong. Penjualan tersebut akan tertakluk kepada CBP pada kadar 6% jika sekolah itu adalah orang berdaftar CBP.*

### **Sewa atau pajak**

52. Selain daripada penjualan barang-barang, sekolah-sekolah juga mungkin terlibat dalam penyewaan kemudahan sukan, peralatan, dewan, bas, pancaragam sekolah,

disertakan dengan bayaran. Pembayaran tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

### **Percetakan dan penerbitan**

53. Percetakan dan penerbitan yang dilakukan oleh institusi pendidikan di mana output adalah tertakluk kepada CBP adalah termasuk jualan alat tulis atau kertas yang disertakan cetakan, percetakan dan penyalinan dan perkhidmatan kemasan dan perkhidmatan pengiklanan.

### **Seminar dan konvensyen**

54. Seminar dan persidangan yang diadakan oleh institusi pendidikan seperti bengkel, seminar, persidangan, kelas tuisyen, perjumpaan, caj sewa tempat, caj sewa kereta, yuran tempahan dan jualan minuman dan hidangan adalah tertakluk kepada CBP kerana lazimnya bayaran tertentu dikenakan.

### **Program francais**

55. Sesebuah sekolah atau syarikat boleh melabur dalam membangunkan satu program yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Harta intelek ke atas program pendidikan tersebut adalah dimiliki oleh sekolah atau syarikat tersebut. Apa-apa pembekalan program tersebut kepada sekolah-sekolah dengan adanya balasan adalah tertakluk kepada CBP. Sekolah atau syarikat tersebut, sebagai pemilik program akan mengenakan CBP dan apa-apa cukai input yang ditanggung dalam membuat pembekalan bercukai ini boleh dituntut oleh sekolah atau syarikat kerana ia merupakan pembekalan bercukai. Mana-mana sekolah yang membeli program francais tersebut perlu membayar CBP dan tidak boleh menuntut cukai input kerana pembekalan perkhidmatan pendidikan adalah pembekalan dikecualikan.

#### ***Contoh 11:***

*Ilham Sdn. Bhd. telah membangunkan program pendidikan zaman kanak-kanak dan prasekolah dalam bahasa Inggeris dan ia mengikuti kurikulum prasekolah yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran. Program ini dinamakan sebagai Cerdik Pandai. Mana-mana tadika yang ingin menggunakan program ini perlu membayar RM50,000 dan Ilham Sdn. Bhd. akan menyediakan standard program*



seperti menggunakan buku, buku kerja, pakaian seragam, lagu dan lain-lain sebagai perniagaan francais mereka. Penawaran program ini adalah pembekalan bercukai. Sebagai pemberi francais, pembekalan bercukai Ilham Sdn. Bhd. melebihi RM500,000.00 dan ia telah berdaftar di bawah CBP. Amy mahu memulakan perniagaan tadika sendiri dengan menggunakan program Cerdik Pandai. Ilham Sdn. Bhd., sebagai pemberi francais akan mengenakan CBP kepada Amy dan Amy, sebagai penerima francais akan membayar RM53,000 untuk program ini termasuk CBP. Apa-apa perolehan oleh Ilham Sdn. Bhd. dalam membuat pembekalan bercukai ini boleh dituntut sebagai kredit cukai input dan CBP akan dikenakan kepada mana-mana perniagaan yang menggunakan nama francais tersebut. Walau bagaimanapun, Amy yang mengendalikan perniagaan tadikanya membuat pembekalan dikecualikan (rujuk kepada Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014). CBP sebanyak RM3,000 yang dibayar oleh Amy kepada Ilham Sdn. Bhd. untuk menggunakan program francais tersebut tidak boleh dituntut oleh Amy sebagai kredit cukai input beliau.

**Contoh 12:**

Sekolah Salsa Sdn. Bhd. berdaftar sebagai sebuah sekolah swasta di Malaysia yang menawarkan kurikulum British yang difrancaiskan oleh sebuah syarikat Inggeris untuk pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia. Selain daripada royalti, kos program yang disampaikan di Malaysia ini adalah RM100,000 untuk prasekolah, RM150,000.00 untuk sekolah rendah dan RM300,000.00 untuk sekolah menengah. Sekolah akan membayar jumlah yang dikenakan dan juga royalti kepada Syarikat Inggeris tersebut. Sekolah Salsa Sdn. Bhd. akan mengenakan bayaran kepada pelajarannya dengan mengambil kira kos program dan royalti.

Perolehan program tersebut dianggap sebagai perkhidmatan yang diimport dan Sekolah Salsa Sdn. Bhd. perlu mengakaunkan bayaran yang dibuatnya sebagai cukai output dalam penyata CBP jika dia adalah orang berdaftar CBP. Jika dia bukan orang berdaftar CBP, Sekolah Salsa Sdn. Bhd., menurut kuasa Seksyen 42(1), Akta CBP 2014 dan Peraturan 62(1), Peraturan-Peraturan CBP 2014 perlu mengikrarkan dan membayar jumlah CBP tersebut dalam Borang GST-04.

## **Komisen**

56. Terdapat sekolah yang menerima komisen bagi tinjauan atau pencarian pelajar tempatan untuk belajar di universiti luar negara selepas pelajar tamat peperiksaan SPM. Institusi pendidikan luar negara membayar komisen kepada sekolah untuk perkhidmatan dalam membuat proses awal, mendaftar pelajar dan mengutip yuran. Perkhidmatan yang diberikan oleh sekolah-sekolah tempatan untuk institusi pendidikan di luar negara adalah dianggap sebagai perkhidmatan yang dieksport CBP dikenakan pada kadar sifar. Terdapat juga sekolah-sekolah yang dibayar komisen oleh program francais di luar negara untuk mendapatkan pelajar untuk mendaftar ke dalam program mereka.

## **Penjanaan Dana**

57. Telah menjadi suatu kebiasaan kepada pihak sekolah untuk menjalankan aktiviti penjanaan dana sebagai aktiviti tahunan sekolah. Perintah CBP (Pelepasan) 2014 membolehkan pembekalan yang dibuat oleh mana-mana orang dalam acara penjanaan dana untuk diberi pelepasan daripada mengenakan CBP. "Penjanaan dana" adalah ditakrifkan sebagai aktiviti terancang atau suatu unsur meminta wang atau janji untuk pertubuhan amal. Contoh aktiviti penjanaan dana adalah hari kantin, persembahan gala, makan malam, pertunjukan bola dan acara yang serupa dan penjualan barang. Berikut adalah syarat-syarat bagi pelepasan tersebut:

- (a) penganjur acara tersebut perlulah orang yang berdaftar CBP dan dia tidak berurusan dalam perniagaan penjanaan dana;
- (b) pelepasan adalah diberikan empat (4) kali dalam satu tahun kalendar; dan
- (c) orang tersebut hendaklah mengemukakan senarai bekalan yang akan dibuat dalam acara penjanaan dana tersebut bagi tujuan kelulusan daripada Ketua Pengarah Kastam.

58. Sekiranya acara penjanaan dana dijalankan lebih daripada empat kali dalam satu tahun, pelepasan tidak layak diberikan bagi acara kelima dan seterusnya pada tahun itu.

### **Tanggungjawab orang berdaftar CBP**

59. Sebagai orang berdaftar, institusi pendidikan perlu mematuhi kehendak Akta CBP seperti menjaga rekod transaksi yang dibuat, pengeluaran inoivis cukai bagi apa-apa pembekalan bercukai yang dibuat, penyerahan penyata CBP mengikut tempoh bercukai yang diperuntukkan, pembayaran CBP dan tuntutan kredit cukai input. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Panduan Am CBP.

60. Pembekalan yang dibuat kepada pelajar boleh terdiri daripada pembekalan dikecualikan, berkadar standard atau berkadar sifar. Pelbagai jenis pembekalan perlu dinyatakan dengan jelas di dalam inoivis cukai yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan itu sekiranya ia berdaftar di bawah CBP. Adalah penting bagi institusi pendidikan mengambil perhatian bahawa inoivis cukai bagi sebarang pembelian/ perolehan yang dibuat adalah bukti dokumen yang perlu ada untuk tujuan menuntut apa-apa CBP yang dibayar ke atas apa-apa pembelian/ perolehan.

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### **S1. Adakah perkhidmatan pengurusan tertakluk kepada CBP?**

J1. Jika penyedia perkhidmatan pendidikan membekalkan perkhidmatan pengurusan yang berkaitan secara langsung dengan pembekalan penjagaan kanak-kanak, pra-sekolah, pengajian rendah atau menengah, maka pembekalan itu tidak tertakluk kepada CBP kerana perkhidmatan ini dianggap sebagai pembekalan di luar skop bagi sekolah awam dan pembekalan dikecualikan bagi sekolah swasta. Dalam kedua-dua keadaan, tiada CBP dikenakan kepada pelajar.

### **S2. Apakah yang dimaksudkan dengan bahan-bahan kursus dan apakah layanan CBP ke atasnya?**

J2. Bahan-bahan kursus adalah bahan-bahan yang digunakan secara langsung, dimanfaatkan dan digunahabis oleh pelajar yang mengikuti kursus pengajian tersebut. Sekiranya bahan tersebut dibekalkan oleh sebuah sekolah awam secara langsung kepada pelajar maka layanan CBP adalah di luar skop manakala ia adalah pembekalan yang dikecualikan jika ia disediakan oleh sekolah swasta.

Penjualan bahan yang dibuat secara langsung kepada para pelajar dan bahan-bahan tersebut adalah perlu digunakan oleh pelajar-pelajar dalam kursus pengajian tersebut akan dikenakan CBP. Walaupun ia mungkin diperlukan untuk mengajar kurikulum tersebut tetapi perbuatan menjual merupakan suatu aktiviti perniagaan dan oleh itu ia tertakluk kepada CBP.

### **S3. Adakah aktiviti yang dibekalkan oleh pihak ketiga yang tidak menjadi sebahagian daripada apa-apa kurikulum rendah atau menengah tambahan, tertakluk kepada CBP?**

J3. Aktiviti-aktiviti yang bukan sebahagian daripada kurikulum rendah atau menengah tambahan di bawah Kurikulum Kebangsaan atau kurikulum yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan seperti kelas renang, menari dan piano adalah tertakluk kepada CBP.

### **S4. Adakah pengusaha kantin sekolah atau kafeteria yang beroperasi di sekolah rendah atau menengah akan mengenakan CBP kepada para pelajar?**

- J4. Mana-mana pengendali kantin atau kafeteria bagi sekolah rendah atau menengah awam atau swasta yang membekalkan makanan terutamanya kepada pelajar termasuk kakitangan sekolah adalah sedang membuat pembekalan dikecualikan. Pembekalan makanan kepada pelajar-pelajar tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, pengendali kantin atau kafeteria tidak dapat menuntut cukai input ke atas apa-apa barang kena cukai yang dikenakan kepada mereka.
- S5. Dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan pergi dan balik sekolah kepada pelajar, Sekolah A menyewa sebuah bas sekolah dari sebuah syarikat pengangkutan. Adakah penyewaan bas sekolah yang dibuat oleh Sekolah A tertakluk kepada CBP?**
- J5. Pembekalan perkhidmatan bas sekolah adalah suatu pembekalan pengangkutan awam dan ia adalah pembekalan dikecualikan. Penyewaan bas sekolah kepada Sekolah A atau pembekalan perkhidmatan bas sekolah oleh syarikat pengangkutan persendirian kepada Sekolah A adalah pembekalan berkadar standard dan Sekolah A perlu membayar CBP ke atas sewa bas tersebut dan sekolah A tidak boleh menuntut cukai input. Pembekalan pengangkutan yang seterusnya oleh sekolah kepada pelajar adalah pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP.
- S6. Perlukah CBP dikenakan ke atas pembekalan yang dibuat oleh Kedai Buku Koperasi Pelajar yang terletak di dalam sekolah?**
- J6. Kedai Buku Koperasi Pelajar bukan sebuah institusi pendidikan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Oleh itu, sekiranya koperasi tersebut berdaftar di bawah CBP, maka pembekalan yang dibuatnya sama ada tertakluk kepada CBP pada kadar standard (6%) atau kadar sifar .
- S7. Apakah layanan CBP ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)?**
- J7. Penubuhan PIBG adalah dikehendaki di bawah Akta Pendidikan 1996 dan hendaklah didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan. Tujuan penubuhan adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan dan mengekalkan hubungan baik

antara ibu bapa dan guru-guru dan bukan untuk menjalankan perniagaan. Aktiviti PIBG berhubung dengan tujuan penubuhannya dianggap sebagai yang berkaitan dengan perkhidmatan pendidikan. Pembekalan oleh PIBG berhubung dengan perkhidmatan pendidikan yang berkaitan dengan penubuhannya sama ada sekolah awam atau sekolah swasta adalah tidak tertakluk kepada CBP.

Sebaliknya, jika PIBG membuat sebarang aktiviti perniagaan seperti menjual barang kepada pelajar dan pembekalan bercukai yang dibuat melebihi nilai ambang RM500,000.00, maka PIBG tersebut hendaklah berdaftar dengan CBP dan mengenakan CBP seperti mana-mana perniagaan biasa yang lain.

**S8. Adakah CBP boleh dikenakan ke atas aktiviti penjanaan dana yang diatur oleh PIBG contohnya jualan meja untuk Majlis Makan Malam?**

J8. Di bawah CBP, PIBG tidak dianggap sebagai sebuah pertubuhan amal. Dalam kes ini, aktiviti penjanaan dana yang dijalankan boleh mendapat pelepasan di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014 di mana pelepasan daripada mengenakan CBP diberikan tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 57 dalam panduan ini.

**S9. Apakah layanan CBP ke atas syarikat yang menderma atau menaja anugerah kepada sekolah atau pelajar dalam bentuk wang atau barang?**

J9. Tajaan adalah suatu pembekalan bercukai jika terdapat manfaat sebagai balasan. Bayaran penajaan yang melibatkan penaja menerima manfaat yang boleh dikenal pasti dengan jelas sebagai balasan, contohnya sama ada dari segi pengiklanan atau publisiti ialah balasan bagi pembekalan ini. Jika penajaan ini tidak melibatkan apa-apa faedah yang boleh dikenal pasti sebagai balasan, maka bayaran penajaan bukan balasan bagi pembekalan tersebut dan tiada CBP dikenakan.

**S10. Apakah layanan CBP ke atas yuran tuisyen melalui pos seperti Adabi Gaya Pos?**

J10. Pusat tuisyen adalah berdaftar sebagai sebuah institusi pendidikan swasta yang menyediakan kelas tambahan dan melibatkan pengajaran mata pelajaran sekolah sama ada dengan menghadiri kelas di premis atau melalui pos. Ia adalah sebuah

entiti perniagaan yang menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini tidak dianggap sebagai pembekalan dikecualikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014 dan ia juga tidak termasuk di dalam Perintah CBP (Pelepasan) 2014. Pusat tuisyen mengenakan bayaran untuk setiap mata pelajaran yang diambil pelajar dan bahan-bahan kursus dihantar melalui pos untuk tuisyen di rumah. Bayaran yang dikenakan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**S11. Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Qawiey adalah sebuah institusi pendidikan yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 yang memenuhi penjagaan dan perkhidmatan pendidikan untuk bayi yang baru lahir sehingga yang berusia 5 tahun. Perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk kelas muzik, seni dan sukan. Kanak-kanak menghadiri kelas di pusat ini pada setiap minggu. Selain menyediakan perkhidmatan perkembangan kanak-kanak, pusat ini juga menjual produk seperti buku kepada pelajar. Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh pusat ini?**

J11. Perkhidmatan perkembangan kanak-kanak tidak dianggap sebagai perkhidmatan pendidikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Untuk tujuan CBP, keperluan pendaftaran di bawah Akta Pendidikan 1996 bukan satu-satunya syarat untuk layak sebagai pembekalan dikecualikan. Untuk layak sebagai pembekalan dikecualikan, perkhidmatan pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan itu hendaklah disenaraikan dalam Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Dalam kes ini, perkhidmatan perkembangan kanak-kanak tidak dianggap sebagai pembekalan dikecualikan. Oleh itu, perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard sebanyak 6%.

**S12. ABC Sdn. Bhd. mengimport buku teks dan peralatan menyelam skuba dari Australia untuk mengajar kursus menyelam skuba. Adakah kursus menyelam skuba dianggap sebagai pembekalan dikecualikan dan pengimportan yang dibuat adalah dikecualikan daripada GST?**

J12. Perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh institusi pendidikan swasta yang dikecualikan daripada CBP adalah dinyatakan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Di dalam kes ini, kursus menyelam skuba bukan suatu kursus pengajian yang mengikut Kurikulum Kebangsaan dan oleh itu ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Hanya buku yang dinyatakan di dalam Perintah CBP (berkadar sifar) 2014 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar. Bagi buku yang tidak tersenarai dalam perintah tersebut dan peralatan menyelam skuba yang diimport oleh ABC Sdn. Bhd., CBP perlu dibayar semasa pengimportan.

**S13. Adakah pusat tuisyen swasta sama ada berdaftar atau tidak jatuh di bawah kategori pembekalan dikecualikan? Secara umumnya, pusat tuisyen beroperasi mengikut asas "semester". Sebelum semester baru bermula, pusat tuisyen akan terlebih dahulu mengambil bayaran yuran tuisyen sama ada 100% atau 60%. Adakah bayaran yang diterima sebelum 1 April, 2015 tertakluk kepada CBP?**

J13. Pembekalan perkhidmatan pendidikan yang dibekalkan oleh pusat tuisyen adalah tidak dianggap sebagai pembekalan dikecualikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Ini bermakna pembekalan perkhidmatan yang dibuat oleh pusat tuisyen adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP. Sekiranya pusat tuisyen itu ialah orang berdaftar CBP, maka CBP perlu dikenakan kepada pelajar dan apa-apa CBP yang ditanggung dalam penyediaan perkhidmatan tersebut boleh dituntut kredit cukai input.

Jika yuran pengajian dikutip sebelum tarikh efektif CBP (1 April 2015) dan sebahagian daripada pembekalan akan berlaku selepas 1 April 2015, bayaran yang diterima akan dikira termasuk CBP yang dikenakan bermula 1 April 2015. Terdapat keperluan untuk pusat tuisyen tersebut untuk membuat pembahagian jumlah yang tertakluk kepada GST.

**S14. Adakah langganan Pengkalan Data Elektronik (pangkalan data Buku elektronik dan jurnal elektronik) tertakluk kepada CBP? Ini adalah langganan bukan tahunan di mana bayaran dikenakan untuk membolehkan akses. Apabila yuran langganan ini tidak dibayar maka semua akses dihentikan.**



**Adakah pembelian buku elektronik seperti e-book yang sama seperti pembelian buku bercetak tertakluk kepada CBP?**

J14. Langganan buku elektronik dan jurnal adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard kerana ia tidak berada di bawah Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

**S15. Maha Music Sdn. Bhd. adalah sebuah institusi pendidikan yang menyediakan pelajaran muzik sebagai contoh piano, biola, selo, tarian & seni. Pelajar-pelajar mengikuti peperiksaan di bawah Lembaga Peperiksaan Malaysia. Adakah perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat dikenakan cukai dan tertakluk kepada CBP? Adakah syarikat tersebut perlu berdaftar di bawah CBP?**

J15. Perkhidmatan pendidikan yang diberikan oleh Maha Music Sdn. Bhd. adalah tidak disenaraikan sebagai pembekalan dikecualikan di bawah Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Oleh itu perkhidmatan yang disediakan dikenakan adalah bercukai dan tertakluk kepada CBP.

Jika pembekalan kelas muzik yang dibuat oleh Maha Music Sdn. Bhd. melebihi ambang RM500,000.00, syarikat adalah diwajibkan untuk berdaftar di bawah CBP. Setelah mendaftar, CBP mesti dikenakan pada kadar standard dan apa-apa cukai input yang ditanggung boleh dituntut.

Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai badan yang mengawal, menyediakan peperiksaan muzik bagi pihak Associated Board of the Royal Schools (ABRSM). Sebagai sebuah kerajaan persekutuan, bekalan peperiksaan yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia adalah pembekalan di luar skop dan tiada CBP akan dikenakan.

**S16. Adakah perkhidmatan yang disediakan oleh sebuah syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang beroperasi sebagai pusat latihan bagi penjawat awam tertakluk kepada CBP?**

- J16. Untuk tujuan CBP, syarikat-syarikat tersebut dianggap sama seperti mana-mana entiti perniagaan yang lain. Oleh itu, perkhidmatan yang disediakan dikenakan cukai dan tertakluk kepada CBP walaupun ia beroperasi sebagai pusat latihan bagi penjawat awam.

## **PERTANYAAN**

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor I

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

Emel: [gstsector1@customs.gov.my](mailto:gstsector1@customs.gov.my).

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP**

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada:

(a) Laman sesawang CBP : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)


(b) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-78067599
- Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my).


LAMPIRAN 1

## RINGKASAN LAYANAN CBP KE ATAS PENDIDIKAN PRA-PENGAJIAN TINGGI


### 1. Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014



### 2. Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014



**3. (a) Perintah CBP (Pelepasan) 2014 – Barang yang dinyatakan di dalam perintah**



**3. (b) Perintah CBP (Pelepasan) 2014 – Barang yang tidak dinyatakan di dalam perintah**

